

# Utusan Sarawak

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Tempatan

## Jemaah haji dinasihati waspada cuaca panas

MADINAH, Isnin — Jemaah haji dinasihati tidak mendedahkan diri kepada kepanasan cahaya matahari yang melampau di Tanah Suci ekoran cuaca panas yang ada kalanya mencecah sehingga 44 darjah celsius.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata para jemaah juga perlu berhati-hati agar tidak terlalu terdedah kepada cuaca panas, terutama semasa hendak ke masjid dan membeli-belah.

“Untuk bakal-bakal haji yang masih berada di Malaysia, saya juga mahu nasihatkan supaya dibawa bekalan ubat-ubatan secukupnya untuk hari-hari

pertama dan kedua, walaupun klinik Tabung Haji ada tetapi tidak boleh diambil ringan keperluan ubat-ubatan ini,” katanya kepada pemberita di Hotel Al Haram yang menjadi tempat operasi Tabung Haji di sini.

Beliau yang juga Pengurus Besar Kanan Haji Tabung Haji berkata bakal jemaah haji di Malaysia juga diminta berehat dan tidur secukupnya kerana beliau mendapati ada jemaah yang tiba di Tanah Suci mengalami masalah kurang tidur dan mula menerima gangguan emosi, fikiran dan sebagainya.

Beliau juga mengingatkan jemaah haji agar menjaga kes-

elamatan diri mereka kerana di sini orang begitu ramai dan kalau pergi ke mana-mana biarlah secara berkumpulan untuk mengelak daripada tersesat.

Syed Saleh berkata setakat hari ini, seramai 7,535 orang jemaah atau 28 peratus daripada jumlah keseluruhan 28,000 orang sudah sampai ke Tanah Suci melalui Madinah dan Jeddah.

Mereka akan mula bergerak masuk ke Mekah pada 25 Sept ini, katanya.

Pusat operasi Tabung Haji di Mekah sudah pun bersedia untuk menerima jemaah ini dan beliau sendiri berasa san-

gat berpuas hati dengan persiapan petugasnya di Madinah dan Mekah.

Perkhimatan Tabung Haji seperti khidmat bagasi, klinik, bank dan juga penyediaan makanan ala menu Malaysia juga semua mendapat sambutan baik daripada para jemaah yang ada, katanya.

“Keseluruhannya sebanyak 22 penerbangan sudah dibuat ke Jeddah dan Madinah dari 41 penerbangan, jemaah haji yang bakal sampai akan disambut dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang sudah siap beroperasi di Madinah dan Mekah,” katanya. — Bernama